

USIM hantar 133 atlet, 22 pegawai sertai Sukum ke-38



SEBAHAGIAN daripada 161 orang warga USIM yang menyertai Kejohanan Sukan Staf Antara Institut Pengajian Tinggi Awam ke-38 di Bangi, baru-baru ini.

SEREMBAN 19 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menghantar kontinjen seramai 161 orang terdiri dari 133 atlet dan 22 pegawai bagi menyertai Kejohanan Sukan Staf Antara Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)(Sukum) ke-38 di Bangi, baru-baru ini.

USIM menghantar 10 pasukan yang terdiri daripada bola sepak senior lelaki, bola sepak veteran lelaki, tarik tali, badminton campuran, ping pong campuran, bola tampar lelaki, bola tampar wanita, tenpin boling lelaki, tenpin boling wanita dan olahraga.

Pada edisi kali ini, USIM telah berjaya merangkul pingat perak dalam acara tarik tali selepas menewaskan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2-1 pada perlawanan penentuan tempat kedua.

Seperti edisi yang lalu, pasukan bola tampar lelaki menduduki tempat ketiga dan mengekalkan pingat gangsa.

Pada perlawanan separuh akhir, USIM telah tewas 3-1 kepada pasukan Universiti Malaysia Perlis (Unimap) pada perlawanan yang disaksikan sendiri oleh Naib canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail.

Pada tahun ini, pasukan bola sepak veteran USIM telah disertai sendiri oleh Pendaftar, Muhammad Haizuan Rozali.

Namun pasukan itu belum menemui formula kemenangan. Dalam acara lain, pasukan USIM tidak berjaya untuk melepasi pusingan awal.

Dr. Asma berkata, banyak usaha perlu dijalankan untuk meningkatkan mutu pasukan sukan staf USIM sebagai persediaan bagi kejohanan akan datang.

Katanya, kajian akan dibuat bagi mengenal pasti langkah dan strategi lebih baik untuk menghadapi Sukum ke-39 2014 di kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.